

JHEPA: Ke Arah Pembangunan Modal Insan

Khairul Azam Bahari, Hajjah Zainab Othman
Che Anuar Che Abdullah, Mohd Zahuri Khairani
dan Syed Ismail Syed Mohamad
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tel: 05-4505321
azam@upsi.edu.my

Abstrak: Sejak zaman penubuhan SITC sehinggalah UPSI ditubuhkan, universiti ini menjadi pilihan banyak individu yang berminat menyambung pelajaran dalam bidang pendidikan perguruan. Sebagai sebuah universiti yang mengkhusus dalam melahirkan graduan yang memiliki ijazah dalam bidang pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UPSI sentiasa memikirkan strategi yang terbaik bagi melahirkan golongan guru yang berdedikasi serta berketrampilan dari segi akademik dan sahsiahnya. Apabila YAB Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi melahirkan hasratnya mahu melihat rakyat Malaysia menjadi golongan yang disebut sebagai mempunyai *Towering Personality*, pihak JHEPA merangka strategi yang lebih berkesan dengan cara mengupas maksud kelima-lima prinsip dalam *Towering Personality* itu dan direalisasikan melalui pendekatan perkhidmatan dan aktiviti khusus bagi pembangunan modal insan di kalangan mahasiswa UPSI seperti yang dicetuskan oleh Perdana Menteri dalam RMK-9.

Katakunci: Pendidikan, perguruan, *Towering Personality*.

1.0 Pengenalan

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (BH, 30/9/2005) menyatakan, "Malaysia telah mempunyai kemudahan infrastruktur yang cemerlang. Sudah tibalah masanya untuk kita memberi tumpuan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk melengkapinya pencapaian pembangunan fizikal. Adalah penting sekali untuk mengimbangkan pencapaian kebendaan dengan kerohanian yang luhur, sekiranya kita ingin mencapai matlamat Wawasan 2020. Sehubungan ini, pembangunan modal insan akan terus menjadi agenda utama dan usaha-usaha akan ditumpukan ke arah pembentukan individu yang berketrampilan di tempat kerja dan dalam masyarakat. Rakyat Malaysia perlu menghayati nilai jujur, berintegriti, cemerlang dan bertanggungjawab serta memiliki pemikiran kelas pertama seiring dengan infrastruktur kelas pertama yang dimiliki sekarang. Rakyat Malaysia juga perlu terus berusaha untuk menjadi sentiasa relevan, berdaya tahan dan kompetitif selaras dengan pendekatan Islam Hadhari".

Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri berfokus kepada pembangunan modal insan yang secara keseluruhan menjadi matlamat beliau bagi melahirkan generasi baru yang mendukung pembinaan sahsiah mulia. Malah dalam strategi ke-3 RMK-9, beliau menegaskan tentang pentingnya mewujudkan masyarakat yang mempunyai mentaliti kelas pertama. Dalam hal ini, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPI) tidak terkecuali dalam usaha melahirkan generasi Malaysia yang lebih berdaya saing. Penubuhan UPSI sejak tahun 1997 adalah berkesinambungan daripada era *Sultan Idris Teaching College (SITC)* yang ditubuhkan pada tahun 1922. Sejak itu, banyak nama-nama besar dalam negara ini seperti Pendeta Za'ba, Harun Aminurrashid, Abdul Rahim Kajai, Abdul Ghafar Baba dan ramai lagi yang

lahir daripada kemasyhuran SITC. Mereka inilah golongan yang berjaya membawa perubahan kepada minda masyarakat dan pada masa yang sama menyokong pembangunan negara.

Kemudian, lahir pula Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) yang turut melakar sejarah yang tidak kurang hebatnya. Akhirnya, pada 1 Mei 1997, Institut Perguruan Sultan Idris diangkat menjadi sebuah universiti pendidikan yang pertama di negara ini. Penubuhan UPSI ini tentulah dengan hasrat membawa era baru dalam melatih bakal guru yang lebih berdaya maju dan efektif. Dengan seramai 350 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik, UPSI mula mengatur strategi bagi melahirkan golongan pendidik yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, dan bersahsiah mulia.

Sebagai sebuah universiti yang ditubuhkan bagi melatih bakal guru, UPSI dari peringkat awal penubuhannya lagi telah memperkenalkan satu motto iaitu, 'ke arah kebitaraan.' Bitara bermaksud yang terhebat dan tiada tandingan. Selari dengan moto itu, UPSI mengatur pendekatan dengan mewujudkan fakulti-fakulti dan pusat yang bertanggungjawab secara langsung dalam melatih bakal guru dalam bidang akademik. Kewujudan fakulti dan pusat dengan dibantu oleh tenaga kerja yang berpengalaman dalam bidang pendidikan di sekolah menjadikan para mahasiswa lebih terdedah kepada dunia perguruan secara lebih terbuka. Selain itu, mereka bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu mengenai pendidikan di sekolah, malah mereka turut mendalami disiplin ilmu yang akan diajarkan di sekolah secara lebih mendalam. Pendekatan ini sebenarnya bukan sahaja melahirkan guru yang mahir dalam bidang pedagogi malah mereka juga hebat dari segi kandungan pengajaran di sekolah. Bak kata Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Arshad, "Orang yang hendak mengajar jadi baik mestilah orang yang terbaik".

Visi UPSI ialah menjadi universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global. Berdasarkan visi itu, misi UPSI ialah untuk menjana dan menatar ilmu menerusi pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat, dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai wawasan negara. Dengan visi dan misi itu, UPSI dengan pantas merealisasikan impiannya bagi menjadi universiti yang bitara dari segi penampilan akademik dan sahsiah mahasiswanya.

2.0 Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) diketuai oleh Timbalan Naib Canselor dan pusat pentadbiran terletak di Bangunan HEPA. Di sini ditempatkan unit-unit yang bertindak menjadi sokongan kepada JHEPA dalam melaksanakan fungsinya sebagai jabatan yang menjaga memberikan perkhidmatan, menjaga kebajikan dan menyelaras aktiviti-aktiviti mahasiswa UPSI. Jika dilihat, peranan JHEPA ini tidak kurang hebatnya. Ini kerana, sebagai mahasiswa, ilmu pengetahuan adalah amat penting bagi melahirkan guru yang berkemahiran dalam pengajaran namun demikian mahasiswa juga perlu hebat dari segi ketrampilan, iaitu dari segi tingkah laku, pembawaan diri,

kemahiran berkomunikasi, akhlak, kepimpinan, dan pelbagai lagi kemahiran yang mungkin tidak dapat diperolehi dalam dewan-dewan kuliah.

Melalui unit dan kolej kediaman, JHEPA menyusun strategi bagi mencapai hasrat melahirkan bakal guru yang bitara. Cabaran bagi merealisasikan hasrat ini adalah berat dan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak terutama sekali penglibatan secara langsung atau tidak langsung daripada jabatan dan unit-unit lain yang menjadi sistem sokongan kepada universiti. Antara jabatan yang terlibat adalah Bahagian Akademik dan Fakulti-fakulti yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan. Begitu juga dengan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) yang diketuai oleh seorang pengarah, Pusat Kokurikulum dan jabatan-jabatan lain lagi. Bahagian Akademik melalui Timbalan Naib Canselornya sentiasa memberikan sokongan padu dengan memberi kerjasama yang erat kepada pihak JHEPA setiap kali program diadakan. Kewujudan kerjasama yang erat antara jabatan-jabatan di UPSI membolehkan aktiviti JHEPA berjalan dengan lancar. Walaupun kampus UPSI kecil, tetapi semangat kesatuan yang ditunjukkan oleh warganya adalah besar.

Berdasarkan lima matlamat utama, JHEPA merangka strategi bagi merealisasikan RMK-9 dan lima matlamat itu adalah:

- i. Meningkatkan imej dan reputasi UPSI;
- ii. Memperkasa pengurusan dan pentadbiran JHEPA;
- iii. Meningkatkan kemudahan perkhidmatan dan kebajikan pelajar;
- iv. Melahirkan pendidik yang bersahsiah unggul;
- v. Melahirkan pelajar yang seiring dengan aspirasi universiti dan negara.

3.0 JHEPA dan Matlamat RMK-9

"Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekeriti mulia, yang mempunyai hemah yang tinggi, yang berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani,"

(YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,
Perdana Menteri Malaysia)

Borderless World, Globalisation, Perkampungan Sejagat dan pelbagai lagi istilah yang dikaitkan dengan keadaan dunia yang semakin mengecil ini membawa maksud dunia pada masa kini tiada lagi pemisah. Pemisah yang wujud hanyalah garis sempadan yang menandai kedaulatan sesebuah negara tetapi maklumat atau informasi tidak dapat disekat dan boleh diperolehi dalam jangka masa yang amat pantas. Atas dasar pemodenan dan kemajuan, masyarakat di dunia berkembang dan saling mempengaruhi dengan cara penyebaran budaya, nilai dan cara hidup.

Maka, jika kita lihat di bandar-bandar besar, jati diri bangsa Malaysia mula pudar. Lihat sahaja cara berpakaian, pergaulan, hiburan dan pelbagai lagi yang sudah tidak

mencerminkan budaya dan nilai bangsa. Seakan-akan Kuala Lumpur sudah menjadi *little New York* atau *little Los Angeles*. Rasuah dan penyelewengan pula terus berlaku. Menurut Mohamad Kamal Hassan (2002) globalisasi menjadi seakan satu hal yang menggerunkan apabila arus pemikiran pasca modernisma bersifat meruntuhkan bukan membangunkan. Menyedari hakikat ini, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat Malaysia kembali menghayati nilai budaya dan jati diri yang kian terhakis akibat pengaruh luar yang kian mengasak. Mahu tidak mahu, rakyat Malaysia harus berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Untuk itu rakyat Malaysia harus belajar menerima perubahan yang dibawa oleh kemodenan tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan budaya dan jati diri bangsa agar tidak terhakis dibawa masa. Dalam masa yang sama juga, Perdana Menteri merangka Pelan Integriti Nasional yang disasarkan bagi:

- i. mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- ii. meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam, dan mengatasi karenah birokrasi;
- iii. meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- iv. memantapkan institusi keluarga; dan
- v. meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Menyahut seruan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ke-9, JHEPA UPSI merangka strategi bagi melahirkan golongan pendidik yang bersahsiah unggul selaras dengan hasrat membangunkan modal insan. Dahlia (2005) menyebut guru adalah golongan yang bertindak menjadi agen penggerak dan pelaksana kepada pelan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri.

4.0 JHEPA Ke Arah Pembangunan Modal Insan

Bagi melahirkan golongan pendidik yang mempunyai sahsiah unggul, JHEPA mengupas intipati *Towering Personality* yang diutarakan oleh YAB Perdana Menteri agar dapat diaplikasikan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para mahasiswa. Tujuannya, mahasiswa bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu dalam bidang akademik malah mempunyai *soft skill* yang diperolehi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Oleh yang demikian, pihak JHEPA telah menggerakkan keseluruhan unit yang berada di bawahnya untuk merancang dan membentuk satu pasukan yang mampu merealisasikan hasrat ini.

Strategi pertama yang dibuat oleh pihak JHEPA ialah menyusun semula keseluruhan tanggungjawab JHEPA berserta fungsi-fungsi setiap unit agar lebih teratur dan kemas. Perpindahan pejabat unit-unit di bawah JHEPA ke sebuah blok pejabat secara berpusat mampu mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih efisien. Selain itu, JHEPA juga telah melihat semula dasar kualiti, visi dan misi bagi memperkuatkan jabatan ini.

Strategi yang kedua pula ialah menyusun semula aktiviti-aktiviti peringkat kolej dan persatuan/kelab agar lebih terancang serta menjurus kepada matlamat menjadikan mahasiswa UPSI yang berketrampilan. Kesemua aktiviti yang dirancang dimuatkan ke dalam sebuah takwim aktiviti tahunan yang memberikan gambaran yang lebih tersusun tentang aktiviti yang diaturkan. Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Mahasiswa Kolej bekerjasama menghasilkan takwim ini dan bergerak seiring dengan aspirasi universiti dan negara.

Strategi yang ketiga pula ialah membuat perancangan yang lebih kemas tentang aspek pentadbiran di JHEPA dengan menekankan kepada konsep kerja dalam pasukan dan kekeluargaan. Pada tahun 1898 Norman Triplett (Myers, 1994)) membuat kajian tentang pelumba basikal, apabila pelumba berkayuh secara berkumpulan, prestasi setiap individu meningkat berbanding berkayuh secara sendirian. Konsep ini diterjemahkan melalui aktiviti-aktiviti di peringkat JHEPA seperti mengadakan Hari Keluarga, Bengkel Pembinaan Pasukan dan Tazkirah yang bertujuan merapatkan hubungan antara kakitangan JHEPA dan meningkatkan prestasi kerja. Selain itu, aspek komunikasi dalam organisasi sangat ditekankan kerana aspek ini memberikan pendedahan kepada kakitangan tentang hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab dan penyaluran maklumat secara efektif seperti yang dicadangkan oleh Weick (1979) iaitu Pendekatan Sistem Maklumat.

Strategi yang keempat ialah menekankan kepada pembinaan jati diri mahasiswa. Abdullah Al-Hadi (Utusan Malaysia, 27/05/06) menerangkan bahawa mahasiswa UPSI perlu berakhlak mulia, mempunyai jati diri yang tinggi malah komitmen dan dedikasi menjadi pegangan mereka. Melalui penulisan buku terbitan JHEPA yang bertajuk 'Guru Bersahsiah Unggul' konsep *Towering Personality* yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dikupas dengan lebih terperinci. Mahasiswa yang membaca buku ini akan mengetahui tentang cabaran dan harapan yang mereka perlu pikul apabila menjejakkan kaki ke UPSI. Selain itu, JHEPA turut menerbitkan buku Panduan JHEPA, buku Panduan Persatuan dan buku Panduan Pilihanraya

Strategi yang seterusnya ialah mewujudkan rasa kecintaan dan kepunyaan terhadap UPSI dengan menubuhkan kelab Sahabat Mahasiswa UPSI (SMU). Kelab ini ditubuhkan dengan cita-cita menyemaikan rasa sayang kepada UPSI sebagai ibu kandung yang telah berjasa kepada masyarakat sejak zaman SITC lagi. Kewujudan UPSI yang berkesinambungan daripada sejarah zaman penjajahan dahulu mampu membangkitkan rasa cinta yang mendalam kepada UPSI. Selain memastikan SMU berfungsi sebagai penggerak kepada kecintaan terhadap UPSI, JHEPA juga bakal memperkenalkan satu sistem pengkategorian pelajar. Sistem ini atau lebih dikenali dengan KUMARA atau Kumpulan Mahasiswa Bitara ditubuhkan dengan hasrat menggalakkan mahasiswa menceburi bidang kokurikulum secara aktif dan pada masa yang sama tidak mengabaikan kepentingan akademik. Mahasiswa yang tercalon menjadi ahli kepada KUMARA adalah golongan yang terpilih yang cemerlang dalam aspek akademik dan kokurikulum.


Melalui KUMARA, mahasiswa yang cemerlang dalam kedua-dua aspek ini diletakkan di bawah beberapa kategori seperti kepimpinan, sukan, khidmat masyarakat

dan lain-lain. Ahli yang ditawarkan menjadi ahli KUMARA sentiasa dibantu agar terus kekal dengan kecemerlangan diri selain mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti. Ini penting kerana dalam diri mahasiswa itu sendirilah yang memungkinkan hasrat melahirkan generasi yang bersahsiah tinggi dapat direalisasikan. Tambahan pula, para graduan inilah yang akan menjana modal insan apabila mereka bergraduasi kelak.

Selain itu, JHEPA juga sedang giat mengadakan kerjasama dengan pelbagai kementerian seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta agensi-agensi kerajaan yang lain. Kerjasama ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang cara untuk melihat peluang yang lebih luas dalam kerjaya. Hal ini kerana peluang kerjaya dalam bidang perguruan dilihat boleh berkembang. Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi dalam ucapannya menekankan kepada pengantarabangsaan, iaitu membawa pelajar antarabangsa masuk ke IPTA di seluruh Malaysia, dan pada masa yang sama graduan tempatan memasarkan diri mereka ke peringkat antarabangsa. Jelasnya, graduan UPSI sebenarnya boleh pergi ke peringkat antarabangsa dengan menjadi guru di negara lain. Namun demikian, persediaan yang kemas serta kemahuan daripada mahasiswa perlu digilap agar hasrat ini boleh menjadi kenyataan.

Strategi yang lebih penting dari segi pembinaan modal insan melalui pembentukan mahasiswa bersahsiah unggul (towering personality) ialah melalui penekanan kepada kelima-lima aspek sahsiah unggul yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri. Model yang digunakan bagi memastikan strategi ke arah melahirkan golongan mahasiswa yang bersahsiah unggul adalah ditunjukkan seperti di bawah:

JHEPA:
Memberi Pendedahan Kepada Mahasiswa UPSI
tentang Peranan dan Cabaran Bagi
Merealisasikan Pembangunan Modal Insan



4.1 Berhemah Tinggi

Dahlia (2005) menerangkan bahawa bakal pendidik yang akan dilahirkan oleh UPSI perlulah berhemah tinggi yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- Pekerti kepada agama; bertujuan melahirkan golongan pendidik yang memiliki akhlak yang mulia serta beriman kepada tuhan. Ini selaras dengan prinsip pertama Islam Hadhari yang menekankan kepada prinsip beriman dan bertakwa kepada tuhan. Salleh Yassin (Utusan Malaysia, 27/05/06) menekankan bahawa mahasiswa hendaklah mempunyai akhlak yang mulia, tidak materialistik, malah menyumbang kepada bangsa dan agama. Dengan adanya pekerti sebegini ia membolehkan bakal guru menyedari bahawa nilai agama adalah sangat penting bagi menjamin kebahagiaan dan keikhlasan diri semasa menjalankan tugas sebagai guru.

- Pekerti kepada ibu bapa; bertujuan menyedarkan bakal guru bahawa institusi kekeluargaan yang ditunjangi oleh kedua ibu dan bapa perlulah dihormati dan disanjung. Bakal guru harus sedar bahawa ibu dan bapa adalah tunggak kepada kehidupan yang sempurna. Mereka adalah guru yang mula-mula sekali mengajarkan erti kehidupan.
- Pekerti kepada masyarakat dan negara; bertujuan melahirkan bakal guru yang prihatin kepada kepelbagaian kaum dan budaya yang tinggal secara harmoni di negara ini. Bakal guru harus belajar mengintegrasikan budaya dan pergaulan mereka dengan setiap kaum yang ada di negara ini. Kesedaran ini membolehkan bakal guru bertindak sebagai perantara yang efisien bagi melahirkan masyarakat yang bertoleransi antara satu sama lain. Sikap prejudis terhadap bangsa lain hanya akan merosakkan diri sendiri (Myers, 1994).
- Nilai-nilai murni; bertujuan bagi melahirkan bakal guru yang sentiasa menekankan tentang aspek nilai-nilai murni yang menjadi sandaran kepada akhlak dan pekerti yang terpilih. Nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, sabar, dan pelbagai lagi dapat membantu bakal guru menerapkannya semasa mengajar di dalam bilik darjah.

➤ **Strategi**

Menjalankan aktiviti yang bersifat kerohanian dan kemasyarakatan. Aktiviti sebegini adalah penting bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa bahawa agama adalah kaedah yang terbaik dalam mendidik anak-anak. Selain itu, masyarakat adalah golongan yang turut sama memainkan peranan dalam proses mendidik anak-anak. Bagi memastikan mahasiswa menyedari akan kepentingannya, aktiviti berikut dianjurkan:

- a. Forum Perdana
- b. Hari Keluarga peringkat Kolej-kolej Kediaman
- c. Gotong-royong dengan masyarakat setempat
- d. Mengadakan Baktisiswa
- e. Jalinan Muhibbah dengan masyarakat setempat
- f. Program ramah-mesra di surau-surau tempatan
- g. *Breakfast Talk*
- h. Tilawah Al-Quran, dan pelbagai lagi

4.2 Ilmu Pengetahuan Tinggi

Bagi menjadi seorang yang berilmu pengetahuan tinggi, para mahasiswa didedahkan dengan ilmu pedagogi yang mementingkan teknik pengajaran yang betul dan berkesan. Selain itu, kepakaran dalam disiplin ilmu adalah amat penting bagi memastikan penguasaan terhadap ilmu adalah jitu dan tepat. Kedua-dua disiplin ini amat penting dan saling melengkapi. Sayid Sabiq (1978) menjelaskan, kekuatan sesuatu bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan. Kesemua ini diperolehi semasa mahasiswa berada di dalam dewan kuliah. Sebagai mahasiswa,

mereka perlu memahami bahawa sesuatu ilmu yang diajarkan kepada mereka perlulah dikuasai sepenuhnya. Ada empat perkara yang penting bagi mahasiswa menjadi seorang yang berilmu pengetahuan tinggi, iaitu:

- Memahami fakta; mencari, memahami, menganalisis, mensintesis, menilai adalah amat penting bagi memastikan mahasiswa sentiasa bersifat objektif terhadap sesuatu perkara atau ilmu baru yang diperolehinya.
- Menguasai prinsip dan teori; sebagai mahasiswa yang berilmu, mereka perlu menguasai prinsip dan teori dengan penuh jitu. Ini kerana prinsip dan teori adalah asas kepada perkembangan sesuatu ilmu pengetahuan. Keupayaan untuk membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu prinsip atau teori yang berlaku menunjukkan bahawa mahasiswa menguasai ilmu. Dalam hal ini, mahasiswa tidak boleh diperlekehkan.
- Membina konsep; apabila berjaya membuat perkaitan, maka yang penting adalah memastikan bahawa ia digunakan bukan sahaja bagi ilmu pengetahuan semata-mata tetapi boleh diaplikasikan dalam kehidupan.
- Menyelesaikan masalah; menggunakan ilmu yang diperolehi, diaplikasikan dan disesuaikan bagi menyelesaikan masalah yang timbul secara bijaksana.

➤ **Strategi**

Memastikan mahasiswa memperoleh pengetahuan yang tepat tentang cara mengendalikan program. Mahasiswa juga diberikan pendedahan tentang ilmu yang berkaitan dengan ICT supaya mereka dapat menggunakan kemahiran itu bagi tujuan pembelajaran. Antara kursus dan bengkel yang diadakan ialah:

- a. Bengkel Pengurusan JMK
- b. Bengkel Pengendalian Program
- c. Kursus Pembinaan Pasukan MPP dan JMK
- d. Bengkel ICT
- e. Bengkel Pembinaan Laman Web, dan pelbagai lagi

4.3 Pencapaian Tinggi

Mahasiswa yang dilatih di UPSI terdiri daripada golongan yang akan menjadi contoh kepada anak-anak murid mereka setelah mereka bergraduat dan ditempatkan di sekolah-sekolah. Mahasiswa perlu dibekalkan dengan seberapa banyak pengalaman dalam pelbagai segi sama ada kemahiran mahupun pengetahuan serta mengenal potensi diri. Goodpaster & Kirby (1995) menerangkan bahawa dengan mengenali potensi diri kita dapat mengelak daripada melakukan kesilapan. Pencapaian mahasiswa akan diterjemahkan melalui keupayaan mereka mengendalikan sesuatu aktiviti. Antara perkara yang ditekankan dalam aspek pembangunan mahasiswa ialah:

- Mempunyai matlamat; mahasiswa mesti mempunyai hala tuju yang jelas supaya perancangan yang teratur dapat dibuat berdasarkan kepada matlamat.
- Mengenali potensi diri; mahasiswa tahu akan keupayaan dan kelebihan serta kelemahan diri mereka. Hal ini penting bagi mereka menyusun strategi agar dapat menghasilkan sesuatu yang bermutu.
- Mempunyai daya ketahanan diri; kekuatan mental dan fizikal amat penting bagi merealisasikan pencapaian yang tinggi. Keupayaan menahan tekanan perasaan adalah amat penting bagi melahirkan golongan guru yang mampu menghadapi masalah dengan fikiran yang terbuka dan mampu mengendalikan masalah secara profesional.
- Mahir mengurus masa; pengurusan masa adalah satu isu yang amat penting kepada setiap individu. Aspek ini sering kali menjadi isu apabila penekanan yang longgar diberikan kepada mahasiswa. Sebagai contoh, datang lambat ke kuliah atau aktiviti yang dijalankan seolah-olah sudah menjadi resam. Oleh itu, hal ini harus ditangani dengan melatih diri melalui disiplin yang ketat.
- Disiplin diri; ini adalah aspek yang berkaitan dengan pengurusan masa individu. Tanpa disiplin diri, individu tidak dapat menjayakan aktiviti dengan berkesan kerana faktor seperti terlewat, tidak menepati masa dan pelbagai lagi.

➤ **Strategi**

Bagi melahirkan golongan guru yang mempunyai pencapaian yang tinggi, mahasiswa dibekalkan dengan ilmu dan pengalaman melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat universiti, kolej dan kelab/persatuan. Mereka didedahkan tentang kelima-lima prinsip yang dibincangkan di atas dan dengan harapan dapat menguasai kelima-lima prinsip itu dengan tepat. Selain itu mereka dapat mengenali potensi diri serta menjalinkan kerjasama yang erat dalam pasukan. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh mahasiswa:

- a. Bengkel Pengurusan Aktiviti
- b. Baktasiswa
- c. Sambutan Pesta Konvokesyen
- d. Hari Terbuka Kolej-kolej Kediaman
- e. Bengkel Pembentukan Insan Mulia
- f. Festival Seni dan Budaya, dan pelbagai lagi.

4.4 Keintelektualan Tinggi

Golongan mahasiswa di UPSI adalah golongan yang diberi cabaran yang besar dalam aspek pendidikan di sekolah. Ini kerana mereka inilah antara guru yang akan membentuk generasi akan datang. Guru-guru adalah ibarat seorang pelukis kanvas. Dialah yang akan melakar seni dan mencorak warna yang akhirnya menghasilkan sesuatu yang menarik atau sebaliknya. Oleh yang demikian, tahap

keintelektualan mahasiswa UPSI perlu digilap agar mereka dapat berfikir secara kreatif, kritis, analitis dan logik. Ini penting kerana keupayaan untuk membuat penaaakulan yang tepat akan memastikan hasil yang tepat. Sebagai insan, berfikir adalah sebahagian daripada manusia membina dirinya (Goodpaster & Kirby, 1995). Oleh sebab itu, aspek-aspek berikut adalah ditekankan dalam proses membangunkan daya intelektual mahasiswa UPSI:

- Kreatif; minda yang kreatif mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan dan baik. Kreativiti wujud hasil daripada pemerhatian dan daya fikir yang tinggi. Mereka melihat masalah sebagai satu cabaran bukan sebagai satu halangan.
- Logik; dari sudut ini, mahasiswa membuat penaaakulan yang tepat tentang sesuatu perkara yang dilihatnya. Adalah penting apabila mahasiswa dapat membuat perkaitan secara tepat dan jelas tentang perkara yang dilihat dengan perkara yang pernah dialaminya. Adakala tidak semua perkara yang dilihat sama dengan perkara yang dialami. Sebagai contoh, jika A mempunyai bulu, dan B ialah haiwan yang mempunyai bulu, tidak semestinya C adalah haiwan.
- Memberi sebab dan musabab; keupayaan melihat sesuatu perkara yang berlaku dan membuat penjelasan yang tepat dan berfakta tentang perkara itu menunjukkan mahasiswa mempunyai daya intelek yang tinggi. Ia adalah kuasa minda yang wujud apabila individu dapat melihat perkara yang berlaku secara rasional dan didukung dengan ilmu yang ada padanya.
- Membanding beza; mahasiswa dapat menggunakan daya kognitifnya untuk melihat ciri-ciri sepunya dan ciri yang berbeza pada sesuatu rangsangan yang diterima.
- Membuat pertimbangan; keupayaan untuk mengambil kira semua faktor sebelum membuat sesuatu keputusan. Bakal guru diajar melihat domain pemikiran seperti logik, sebab musabab dan membanding beza sebelum sesuatu keputusan diambil.
- Penilaian; seorang bakal guru daripada UPSI didedahkan dengan cara membuat penilaian secara objektif setelah mengenal pasti kesemua faktor dan fakta yang perlu diambil kira sebelum mencapai sebarang keputusan. Selain itu, mereka juga dapat membuat kesimpulan yang bernas dan mampu mengemukakan konsep atau pendapat berkaitan sesuatu peristiwa dengan baik.

➤ **Strategi**

Mengadakan bengkel-bengkel yang berkait dengan kaedah berfikir kepada mahasiswa, antaranya adalah seperti berikut:

- a. Bengkel Teknik Berfikir – SWOT, PMI, CORT
- b. Bengkel Penyelesaian Masalah
- c. Bengkel Kaunseling
- d. Bengkel Pengendalian Majlis Formal

4.5 Ketokohnya tinggi

Setelah melengkapkan diri dengan keempat-empat aspek guru bersahsiah unggul, mahasiswa UPSI boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang lain. Ketokohan mereka terserlah dalam pelbagai aspek dan aspek-aspek ini ditonjolkan melalui daya kepimpinan, semangat, keyakinan diri, kepintaran, pengetahuan dalam bidang, kreativiti dan fleksibiliti (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2003). Personaliti yang dibentuk melalui usaha JHEPA ini akan memperlihatkan golongan mahasiswa yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Komunikasi; mahasiswa diajar teknik berkomunikasi berkesan sama ada secara teori mahupun secara praktikal.
- Diyakini; apabila berkomunikasi, idea, pandangan mahupun persepsi mereka diyakini betul dan diterima oleh individu yang mendengar.
- Berpandangan positif; seorang tokoh yang baik tidak cepat melatah apabila menghadapi sesuatu masalah. Bersikap positif bukan bermaksud membiarkan hal itu berlaku begitu sahaja, atau memegang konsep 'tidak mengapa' atau 'biarkanlah', bersikap positif bermaksud melihat sesuatu perkara dari sudut yang tepat serta mengambil pendekatan yang tepat bagi menangani isu atau perkara yang timbul tanpa menimbulkan masalah yang lain.
- Proaktif dan Progresif; sentiasa melihat kelemahan sebagai ruang untuk diperbaiki. Sentiasa mencari strategi baru bagi memantapkan keupayaan mengurus dan memimpin. Ini kerana sebagai bakal guru, mahasiswa harus sedar bahawa kebanyakan daripada mereka nanti akan dilantik ke pelbagai jawatan sama ada di peringkat sekolah mahupun di kalangan masyarakat.
- Praktikal dan munasabah; mahasiswa harus mengadaptasi kemahiran berfikir yang diajarkan dan membuat keputusan dengan tepat. Walau ada kalanya keputusan yang dibuat mungkin merugikan tetapi itu adalah pengalaman yang perlu dijadikan pengajaran.
- Berpasukan; kerjasama antara individu akhirnya akan mewujudkan pasukan yang kuat. Kepentingan pasukan harus diutamakan. Kerja tidak boleh dilakukan secara bersendirian. Percaya terhadap kemampuan orang lain serta sentiasa mengambil berat tentang orang akan menampakkan ketokohan seorang pemimpin.
- Berpusatkan masyarakat; untuk menjadi tokoh yang baik dan terkenal, mahasiswa perlu sentiasa memikirkan hal masyarakat (mahasiswa UPSI) dari segi kebajikan, perkhidmatan dan hal-hal lain. Mereka berkhidmat untuk dan bersama masyarakat. Mereka juga perlu dikenali bukan sahaja oleh mahasiswa lain malah oleh kakitangan khususnya kakitangan JHEPA melalui aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

➤ Strategi

Mengadakan pemilihan mahasiswa secara bersistematik dan telus dengan cara:

- a. Pilihanraya MPP
- b. Pemilihan Jawatankuasa Mahasiswa Kolej

Mengadakan aktiviti yang berkaitan pembinaan jati diri:

- a. Bengkel Pemantapan Jati Diri
- b. Bengkel Pembinaan Pasukan
- c. Bengkel Kepimpinan
- d. Bengkel Pengucapan Awam
- e. Sambutan Hari Patriotik

5.0 Kesimpulan

Strategi yang diwujudkan oleh JHEPA ini adalah strategi yang berterusan. Secara tuntasnya dapat dijelaskan bahawa kewujudan JHEPA bukan sekadar mengatur aktiviti atau menjaga kebajikan mahasiswa, akan tetapi kewujudan JHEPA adalah sebagai satu platform bagi membentuk dan melatih mahasiswa menjadi guru yang bersahsiah unggul. Peranan JHEPA ini boleh diibaratkan 'menjadikan orang yang belum menjadi'.

Bakal guru ini diharap dapat menggunakan ilmu dan pengalaman yang diperolehi di UPSI bagi melahirkan generasi yang bersahsiah unggul dan mengungguli pembangunan modal insan seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri. Dengan hasrat itu jugalah, diharap akan lahir tokoh-tokoh daripada UPSI ternama sehebat Pendeta Za'ba, Harun Aminurrashid, Abdul Ghafar Baba dan ramai lagi.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (30 September 2005) Membangunkan modal insan [http://www. bharian.com.my/ Misc/ Bajet2006 Hari/Laporan_Ekonomi/20051001130043/ Article2](http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006Hari/Laporan_Ekonomi/20051001130043/Article2)
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2003), Komunikasi Untuk Pemimpin. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Dahlia Janan, Khairul Azam Bahari & Mohd Rosli Saludin (2005) Guru Bersahsiah Unggul. Tanjong Malim: Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UPSI
- Goodpaster, J.R. & Kirby, G. (1995), Thinking. New Jersey: Prentice Hall
- Utusan Malaysia 27/05/06 Sisipan Khas Kementerian Pengajian Tinggi
- 30 Ogos, 2005. Abdullah Mahu Pembangunan Modal Seimbang Dengan Kemantapan Rohaniah [http:// www. pmo.gov.my/ website/ webdb.nsf/ 915b75851947326448256e86000c5808/100997ccd751034c4825706f0009b222? OpenDocument](http://www.pmo.gov.my/website/webdb.nsf/915b75851947326448256e86000c5808/100997ccd751034c4825706f0009b222?OpenDocument)
- Muhammad Kamal Hassan (2002). Globalisasi: Cabaran Kepada Kedudukan Pendidikan Bangsa Melayu. Petaling Jaya: INMIND
- Narimah Ismail & Saodah Wok (2002), Kursus Komunikasi Organisasi. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2002), Pembangunan di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna. Petaling Jaya: INMIND
- Sayid Sabiq (1978) Unsur-unsur Kekuatan Dalam Islam. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Myer, D.G. (1994) Exploring Social Psychology. New York: McGraw-Hill, Inc.